



The Sarawak Museum Journal

Vol. LXV No. 86

December 2008



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Norsiah Fauzan. (2008). Sejarah Ringkas Perkembangan Sosio-Ekonomi Bandar Sibu 1900 sehingga 1930. The Sarawak Museum Journal, LXV (86): 269-300

SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI BANDAR SIBU 1900 SEHINGGA 1930

Norsiah Fauzan

ABSTRAK

Bandar Sibu sebelum 1900 boleh dikatakan belum wujud sebagai sebuah bandar perdagangan yang penting seperti yang boleh kita saksikan pada hari ini. Sebenarnya perkembangan bandar Sibu bermula dengan wujudnya sebuah perkampungan kecil yang didiami oleh kaum Melanau.

Tahun 1900 merupakan titik perubahan dalam sejarah bandar Sibu. Sejak tahun itu, sejarah bandar Sibu berkait rapat dengan kedatangan imigran secara besar-besaran kesan daripada dasar ekonomi pemerintahan Brooke yang menggalakkan penghijrahan kemasukan orang-orang Cina secara besar-besaran untuk menetap di kawasan Rejang termasuk bandar Sibu. Tujuan pemerintah ialah untuk mengeksploitasi ekonomi kawasan delta Rejang yang dijangka akan membawa keuntungan besar. Bagaimanapun, perubahan ini cuba dibuat tanpa mengganggu kebudayaan peribumi. Apakah motif sebenar dasar pengelakan kebudayaan peribumi ini masih boleh dipertikaikan? Tapi saya membuat hipotesis bahawa dasar ini sebenarnya bukanlah untuk kepentingan peribumi tetapi untuk menyekat atau mengelakkan kemajuan sosio-ekonomi rakyat Sarawak agar mereka tidak menentang pemerintahannya atau menggugat kekuasaannya.

Secara ringkasnya, kajian saya ini akan saya bahagikan pada tiga bahagian. Bahagian pertama, saya akan memberi gambaran ringkas tentang dasar ekonomi pemerintahan Brooke di antara tahun 1850-1917 (di bawah James Brooke dan Charles Brooke) untuk membawa perubahan ekonomi tanpa mengganggu kebudayaan peribumi. Ini kerana dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah di sekitar tahun-tahun tersebut mempengaruhi sejarah perkembangan bandar Sibu setelah 1900.

SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI BANDAR SIBU 1900 SEHINGGA 1930

oleh

Norsiah Fauzan

Abstrak

Bandar Sibu sebelum 1900 boleh dikatakan belum wujud sebagai sebuah bandar perdagangan yang penting seperti yang boleh kita saksikan pada hari ini. Sebenarnya perkembangan bandar Sibu bermula dengan wujudnya sebuah perkampungan kecil yang didiami oleh kaum Melanau.

Tahun 1900 merupakan titik perubahan dalam sejarah bandar Sibu. Sejak tahun itu, sejarah bandar Sibu berkait rapat dengan kedatangan imigran secara besar-besaran kesan daripada dasar ekonomi pemerintahan Brooke yang menggalakkan penghijrahan kemasukan orang-orang Cina secara besar-besaran untuk menetap di kawasan Rejang termasuk bandar Sibu. Tujuan pemerintah ialah untuk mengeksploitasi ekonomi kawasan delta Rejang yang dijangka akan membawa keuntungan besar. Bagaimanapun, perubahan ini cuba dibuat tanpa mengganggu kebudayaan peribumi. Apakah motif sebenar dasar pengekalan kebudayaan peribumi ini masih boleh dipertikaikan? Tapi saya membuat hipotesis bahawa dasar ini sebenarnya bukanlah untuk kepentingan peribumi tetapi untuk menyekat atau mengelakkan kemajuan sosio-ekonomi rakyat Sarawak agar mereka tidak menentang pemerintahannya atau menggugat kekuasaannya.

Secara ringkasnya, kajian saya ini akan saya bahagikan pada tiga bahagian. Bahagian pertama, saya akan memberi gambaran ringkas tentang dasar ekonomi pemerintahan Brooke di antara tahun 1850-1917 (di bawah James Brooke dan Charles Brooke) untuk membawa perubahan ekonomi tanpa mengganggu kebudayaan peribumi. Ini kerana dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah di sekitar tahun-tahun tersebut mempengaruhi sejarah perkembangan bandar Sibu setelah 1900.

Dalam bahagian kedua, kita akan sama-sama meninjau perkembangan ekonomi yang berlaku di bandar Sibu dari 1900 hingga

1930, sebagai kesan daripada dasar yang telah dibincangkan dalam bahagian pertama.

Seterusnya dalam bahagian ketiga, kita akan lihat bagaimana pemerintahan Brooke cuba mengelakkan perubahan sosial dengan alasan untuk mengekalkan kebudayaan peribumi. Ini dilakukan melalui penekanan pelajaran, dasar pecah dan perintah dan sebagainya yang akhirnya membawa kesan negatif kepada rakyat tempatan.

Kajian ini banyak menggunakan *Sarawak Gazette* (1890-1930) dan mikrofilem CO 802 yang mengandungi laporan-laporan tahunan Jabatan-jabatan Kerajaan (1900-1930). Selain itu, bahan yang berharga digunakan ialah buku perjanjian Rajah Brooke, *The Sarawak Museum Journal*, suratkhbar dan juga temubual-temubual dengan penduduk tempatan dan sebagainya.

I. DASAR EKONOMI BROOKE DI SARAWAK (1850an-1917)

Sejarah Negeri Sarawak agak unik kerana telah berjaya diperintah oleh Dinasti Brooke selama seratus tahun dengan cara yang berbeza dari tanah jajahan lain. Keunikannya terletak pada pemerintahan tersebut yang cuba membawa keuntungan pada dirinya sendiri tanpa mengganggu kebudayaan peribumi.

Pada hemat saya, pengekalan kebudayaan peribumi ini sebenarnya adalah satu helah sahaja untuk mengelakkan rakyat dari kesedaran untuk menentang pemerintahannya. Walau bagaimanapun, pemerintahan Brooke gagal berbuat demikian kerana setiap langkah atau perubahan ekonomi yang cuba dibuat oleh mereka telah mencetuskan daya penggerak yang akhirnya akan membawa perubahan politik ataupun sosial. Sebab itu R.H.W. Reece telah menyatakan bahawa sejarah negeri Sarawak sebagai satu antara serba salah imperialisme: Bagaimana hendak membawa perubahan ekonomi tanpa mengganggu atau merosak budaya peribumi dan mencetuskan daya penggerak yang akhirnya akan membawa perubahan politik dan sosial.¹

Serba salah imperialisme di atas saya tafsirkan sebagai keadaan James Brooke yang terpaksa meneruskan pemerintahannya di

Sarawak, walaupun dengan sumber kewangan yang terhad dan tanpa sebarang pengalaman dalam pentadbiran demi menjaga maruah dan statusnya.

Mengikut Pringle:

....the Status was forced upon him. He would originally have preferred a more orthodox colonial role but London rejected him.²

Peristiwa kedatangan Brooke terjadi ketika dasar imperialisme barat kian agresif ingin mencari jajahan supaya dapat menjalankan perdagangan yang selalunya menguntungkan negara penjajah. Sebagai seorang rakyat British yang patriotik dan bercita-cita tinggi, setelah mendapatkan Sarawak James mahukan supaya Sarawak ditadbirkan oleh kerajaan British dan diiktirafkan sebagai negeri bawah lindungan British dengan melantiknya sebagai Gabenor sahaja. Malangnya permintaan James Brooke ditolak. Keengganan British adalah jelas kerana:

It seemed of neither sufficient political nor commercial importance... to tempt us 450 miles inland from Labuan... already too burdensome financially. Sarawak imports coal from Labuan and is worth more to the Crown as a foreign customer than it would ever become as a subject.³

Jadi, bagaimanakah seorang yang tidak berpengalaman dalam pentadbiran boleh membentuk satu kerajaan dan membawa perubahan ekonomi tanpa mengganggu atau merosak kebudayaan peribumi?

Setelah permohonannya ditolak, James begitu optimis bahawa Sarawak mempunyai potensi dalam sumber galian dan peluang pertanian dan seterusnya membawa keuntungan besar dari segi ekonomi. Iasekarang lebih mementingkan diri sendiri dan keluarganya daripada kepentingan Negara. Demi menjaga kepentingannya, pemerintahan Brooke telah memerintah dengan dasar pecah dan perintah di mana setiap ras diperintah sesuai dengan fungsi masing-masing iaitu politik, ekonomi dan ketenteraan kepada Melayu, Cina dan Iban.⁴

Dalam usahanya untuk membangunkan ekonomi, James Brooke telah menggalakkan perdagangan bebas terutamanya pedagang-